



**DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU  
(KOTA KINABALU CITY HALL)**

No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 088-521800 Fax: 088-233815, 219175

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

**NO. SEBUTHARGA : DBKK/JTM/D/03/2023 (PANGGILAN SEMULA)**

**TAJUK : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KOMPUTER UNTUK PENGGUNA DI  
PELBAGAI JABATAN DBKK 2023**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (**PUKONSA**) dan Perbendaharaan Malaysia Sabah (**PMS**) yang masih sah pendaftaran sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh iklan ini ditutup untuk bidang seperti berikut:

**PUKONSA – 210101**  
**Peralatan dan Kelengkapan Komputer**

**ATAU**

**PMS – 210101**  
**Peralatan dan Kelengkapan Komputer**

2. Borang Sebut harga beserta butir-butir lanjut boleh diperolehi di Jabatan Perolehan Kontrak dan Tender DBKK, Tingkat 7, Centre Point Sabah, Kota Kinabalu. Dokumen Sebut harga akan mula dijual pada 7 Mac 2023 dan ditutup pada 16 Mac 2023 Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual selepas tarikh tersebut.

3. Dokumen sebut harga ini boleh didapati dengan harga **RM50.00** senaskah (tidak dikembalikan) dan resit pembayaran hendaklah dikepikan bersama-sama dengan dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi.

4. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor atau wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Lesen Perniagaan dan Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli Dokumen Sebut harga.

5. Semua Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama salinan sijil PUKONSA, CIDB dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang ditanda Nombor dan Tajuk Sebut Harga di sudut kiri sampul yang tersebut dan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga DBKK, No. 1 Jalan Bandaran, 88675 KOTA KINABALU.**

6. Sebut Harga mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di **Peti Sebut Harga Tingkat 7, Bangunan Centre Point Sabah, KOTA KINABALU** tidak lewat dari **10:00 pagi** pada tarikh tutup yang tersebut di atas.

**Pengarah**  
**Jabatan Perolehan Kontrak dan Tender**  
**b.p MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU**